

BH 10/8/14 ms 15

Fabrik, tekstil ratusan tahun

Menyimpan dan menjaga tekstil dan manuskrip berusia ratusan tahun adalah cabaran yang dihadapi oleh pengurusan Muzium Warisan Melayu.

Pengarahnya, Profesor Madya Dr Muhammad Pauzi Abdul Latif berkata, menjaga fabrik antik amat sukar dan semua koleksi yang disimpan perlu menjalani pemuliharaan setiap enam bulan sekali.

"Semua tekstil dipamerkan adalah warisan pusaka turun-temurun malah ada yang satu-satunya wujud di dunia seperti batik tulis memaparkan ayat al Quran dari Kelantan itu.

"Menurut seorang ustaz, ia adalah ayat pendinding yang diamalkan pahlawan dahulu kala bagi mengelirukan musuh. Sebaik disarungkan, si pemakai bertukar halimunan sekali gus memberinya kelebihan melakukan serangan," katanya turut mendedahkan sebanyak 70 peratus bahan pameran dipereoleh dari Pantai Timur manakala selebihnya adalah koleksi Raja-Raja Melayu.

Di Muzium Warisan Melayu juga, pengunjung berpeluang melihat sendi-



ri kain perada emas dari Terengganu. Bagi menghasilkan selebar kain, emas perlu dileburkan dan dikancah canting untuk membentuk corak. Tidak kurang menarik, kain cindai Kelantan diperbuat daripada

serat buah nanas.

Kain limar corak tampuk kesemak pula ada diriwayatkan dalam Hikayat Hang Tuah sebagai kain pembalut luka di perut Hang Jebat akibat tikaman keris Taming Sari.

Kain cindai disukai golongan perawan kerana dipercayai mampu menaikkan seri wajah. Kain itu juga menjadi kegemaran pemerintah Kelantan, Cik Siti Wan Kembang (1610-1677) yang memakainya sebagai kerudung kepala.

Insurans manuskrip bernilai RM1 juta

Muzium ini menyimpan khazanah manuskrip lama antaranya kitab perubatan, Quran penulisan tangan, kitab matematik serta ilmu pelayaran selain manuskrip memfokuskan maklumat terperinci mata keris tempa. Paling mencuri tumpuan, manuskrip keris Taming Sari ditulis Abdul Samad Faqih Abdullah atau turut dikenali dengan nama Tok Pulai Condong.

Manuskrip diinsuranskan dengan nilai RM1 juta itu serta hanya satu saja salinan di dunia memuatkan pengkisahan lengkap lima pahlawan bersaudara khususnya Hang Tuah, namun tuli-

san penulisnya yang paling menyentuh hati adalah kaitan kehilangan Taming Sari dengan kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka.

"Rentetan peristiwa itu membuahkan satu ungkapan 'harga Taming Sari adalah sebuah negeri,' katanya.

Dr Muhammad Pauzi turut menunjukkan kitab berharga Faedah Istikhodam Ayatul Kursi tulisan Imam Abdul Rahman Inche Long yang dipercayai ditulis pada abad ke-19 manakala karya Raja Ahmad Raja Musa yang bermastautin di Pulau Pinang sekitar 1329 Hijrah disifatkan mendahului zaman kerana mengutarakan ilmu perabun (menggunakan jin menyembunyikan pandangan) dalam perlawanan bola sepak.

Rahsia keris berdiri sendiri

Segmen Senjata Warisan Melayu di Muzium Warisan Melayu menghimpunkan kira-kira 80 bilah keris,

lembing, tombak hingga meriam sesuai dijadikan rujukan mereka berminat mendalami misteri dan mistik di sebaliknya.

Dr Muhammad Pauzi melakukan demonstrasi keris berdiri yang dijadikan kayu pengukur pahlawan silam dalam menilai kualiti serta kekuatan senjata itu.

"Keris boleh berdiri sendiri membuktikan ia bermutu tinggi dan bagus pembikinannya. Mangsa tikaman keris selalunya gagal diselamatkan kerana bisa racun dari mata keris. Sememangnya, keris dihasilkan untuk mempertahankan diri dan menamatkan riwayat lawan, bukannya berfungsi sebagai hiasan seperti sekarang," katanya.

Di halaman sebelah kiri muzium dan bertempat di padang luas, dibina tiga rumah tradisional Melayu iaitu rumah Datuk Raja Diwangsa dari Negeri Sembilan, rumah Kutai dari Perak manakala rumah bujang selasar dengan atap singgora berusia lebih 100 tahun serta masih mengekalkan keadaan asli dipindahkan dari Terengganu ke tempat itu.